

PKPB: Gagal patuhi SOP dikenakan kompaun RM1,000

Oleh: Siti Nurhakimah Az Zahrah Ramli



Premis perniagaan perlu menjalani prosedur SOP yang dikeluarkan oleh KKM.

SIMPANG – Kawalan SOP akan dijalankan secara berkala telah ditetapkan pihak berkuasa semalam pada hari bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh negeri Perak berikutan usaha untuk meleraikan rantaian Covid-19.

Timbalan Balai Polis Simpang, Sarjan Hilmi Mohd Rejab berkata, pihaknya akan melakukan operasi pemantaun kawalan SOP secara berkala dan berulang-ulang bagi memastikan orang ramai mematuhi SOP yang ditetapkan.

Mengikut prosedur SOP yang telah dikeluarkan dalam PKPB ini, sebab peniaga dan pelanggan perlu memakai pelitup muka (mask), melakukan penjarakan sosial serta menghadkan hanya 3 pelanggan sahaja dibolehkan di dalam premis perniagaan.

Katanya, pemilik kedai atau pelanggan yang gagal dalam mematuhi, akan dikenakan kompaun RM1,000.

Menurutnya, masih ada segelintir orang ramai yang tidak mematuhi prosedur SOP kerana sikap malas dan degil dalam menghadapi norma baharu ini.

“Hasil tinjauan dari operasi pemantauan yang telah dilaksanakan pihak berkuasa mendapati 95% premis perniagaan yang berjaya mematuhi prosedur SOP,” katanya.

Berikutan prosedur SOP yang telah ditetapkan, sebab premis perniagaan perlu patuhi SOP dalam urusan jual beli selain buku catatan suhu setiap pelanggan yang masuk ke kedai dan lampiran kad imbasan aplikasi MySejahtera di hadapan kedai.

Setiap pemilik premis perniagaan dan pelanggan dinasihatkan mengikut prosedur SOP yang telah ditetapkan KKM dalam meleraikan rantai Covid-19.